

CNS737J

U GB 14-12 00198 BA965

aab

MAHATHIR RASMI PROJEK PENGGUNAAN GAS SEMENANJUNG PERINGKAT 11

SEGAMAT, 14 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan projek Penggunaan Gas Semenanjung Peringkat 11 (PGU 11) di sini.

Dengan menekan butang panel kawalan jauh di Bilik Kawalan Gas di Pusat Operasi Segamat, Perdana Menteri +menghidupkan+ stesen pemampat di Kertih, Terengganu bagi penyaluran gas itu menerusi paip sepanjang 730 kilometer.

Gas yang disalurkan dari Kertih ke Segamat itu seterusnya disalurkan ke Pasir Gudang di selatan dan Pelabuhan Klang.

Datuk Seri Dr Mahathir sebelum itu menyingkap tirai batu tanda yang dilengkapi sebahagian daripada paip yang digunakan dalam projek itu. Beliau juga mendengar taklimat mengenai projek PGU 31 daripada Pengerah Urusan Petronas Sdn Bhd (PGSR), Encik Hashim Salleh.

Projek PGU 11 itu akan memainkan peranan penting dalam sektor-sektor tenaga, pengangkutan, industri, perniagaan dan isi rumah di negara ini.

Gas daripada projek itu akan beransur-ansur menggantikan bahan bakar lain yang digunakan dalam sektor penjanaan kuasa, industri dan perniagaan yang mana dapat menjimatkan tukaran asing.

Ta juga menyediakan bahan bakar yang bersih untuk kegunaan kenderaan dan bahan sumber bagi industri petrokimia. -- Bernama

▼14/12/11-28MST